KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

KENYATAAN MEDIA

YB TIMBALAN MENTERI I PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

TIGA PELAJAR ORANG ASLI RAIH KEPUTUSAN CEMERLANG DALAM PEPERIKSAAN STPM 2020

Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dengan sukacitanya ingin memaklumkan bahawa terdapat tiga (3) pelajar Orang Asli mencatat keputusan cemerlang PNGK 4.0 dalam Peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) tahun 2020. Pelajar cemerlang ini ialah Nur Maisarah Bt Abdul Malik dari SMK Dong Raub, Diana Bah Said dari SMK Sultan Ahmad Shah, Cameron Highlands dan Intan Nurhidayah Bt Lim dari SMK Dato' Sulaiman Parit Sulong, Johor.

Selain itu, seramai 30 pelajar Orang Asli lain telah mencatat keputusan cemerlang dengan memperoleh PNGK 2.8-4.0 dalam peperiksaan STPM daripada 73 calon.

Ringkasan Keputusan PNGK 2.8-4.0 :-

I. PNGK 3.5-4.0 - 14 ORANG

- Pahang 10 orang
- Perak Kedah 1 orang
- Johor 3 orang

II. PNGK 3.0-3.49 - 15 ORANG

- Pahang 9 orang
- Perak Kedah 5 orang
- Negeri Sembilan/Melaka 1 orang

III. PNGK 2.80-2.99 - 4 ORANG

- Pahang 2 orang
- Perak Kedah 2 orang

Keputusan ini membanggakan KPLB selaku kementerian yang bertanggungjawab dalam Pembangunan Modal Insan masyarakatOrang Asli melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Umum mengetahui bahawa peperiksaan STPM tahun 2020 telah diadakan dalam norma baharu apabila negara telah dilanda dengan penularan pandemik Covid-19. Penularan pandemik ini telah menjejaskan persiapan murid untuk menghadapi peperiksaan STPM tahun 2020. Namun, kita tetap berbangga dengan pencapaian cemerlang yang telah ditunjukkan oleh murid Orang Asli tersebut.

Kejayaan murid Orang Asli ini merupakan hasil kerja keras daripada semua pihak. Selain daripada usaha murid-murid berkenaan untuk berjaya, ucapan tahniah juga patut diberikan kepada ibu bapa, guru- guru serta JAKOA yang turut bersama-sama berganding bahu dengan menyediakan pelbagai jenis bantuan serta program-program kecemerlangan pendidikan yang dapat mendorong murid-murid ini untuk bersaing dengan masyarakat lain.

KPLB telah menyediakan peruntukan untuk bantuan pendidikan murid Orang Asli ini melalui bantuan wang saku, pengangkutan, peralatansekolah, pakaian sekolah serta bantuan-bantuan lain dengan harapan murid-murid Orang Asli lebih bersemangat untuk mengubah nasib mereka melalui pendidikan.

Dikesempatan ini, KPLB mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah menjalin kerjasama erat dalam menentukan halatuju pendidikan masyarakat Orang Asli di seluruh negara.

-TAMAT-

YB DATO’ SRI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD
Timbalan Menteri I Pembangunan Luar Bandar
2 JULAI 2021



NUR MAISARAH BT ABDUL MALIK (SMK DONG RAUB)



DIANA BAH SAID (SMK SULTAN AHMAD SHAH, CAMERON HIGHLAND)



INTAN NURHIDAYAH BT LIM (SMK DATO' SULAIMAN PARIT SULONG, JOHOR)